

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Datuk Bung Moktar Bin Radin  
[ Kinabatangan ]**

**TARIKH : 28 Mac 2017**

**SOALAN : Datuk Bung Moktar Bin Radin minta  
MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

tentang kesan negatif dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam membantu ekonomi kaum nelayan berikutan Perintah Larangan ke Laut di sebelah malam yang masih berkuatkuasa di Pantai Timur Sabah khususnya di daerah Kinabatangan.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) telah mengenakan Perintah Larangan ke Laut pada 7 Mac 2013 meliputi kawasan perairan Kudat hingga Semporna. Penduduk yang tinggal di kawasan terlibat tidak dibenarkan memasuki kawasan larangan di antara jam 6 petang hingga 6 pagi hari berikutnya. Perintah Larangan tersebut adalah bertujuan untuk memastikan kawasan tersebut tidak diceroboh di samping memastikan keselamatan rakyat yang menjadi pengguna perairan di kawasan larangan tersebut.

Perintah Larangan ke Laut pada waktu malam yang berkuatkuasa di Pantai Timur Sabah menyebabkan pergerakan nelayan di kawasan zon penangkapan ikan menjadi terbatas memandangkan kebiasannya nelayan-nelayan keluar pada waktu lewat petang atau awal pagi bagi mendapatkan hasil tangkapan yang lebih baik. Berikutan perintah larangan tersebut ia sedikit sebanyak memberi kesan kepada pendapatan nelayan dan industri perikanan secara amnya.

Sehubungan itu, bagi membantu ekonomi nelayan yang terlibat dengan Perintah Larangan ke Laut, beberapa langkah telah dilaksanakan seperti:

- (1) Mewujudkan program industri akuakultur seperti ternakan ikan kolam atau sangkar sebagai alternatif bagi menjana pendapatan.

Pada tahun 2016, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telan

menyalurkan peruntukan sebanyak RM420 ribu kepada Persatuan Nelayan di kawasan Pantai Timur Sabah bagi menjalankan projek industri akuakultur seperti berikut:

- i) Daerah Sandakan : ternakan ketam lembut;
  - ii) Daerah Lahad Datu dan Kunak : ternakan udang dan ikan dan;
  - iii) Daerah Semporna : ternakan ikan
- (3) Meneruskan pelaksanaan pemberian bantuan dan insentif seperti elaun sara hidup, skim subsidi petrol dan diesel serta insentif hasil tangkapan bagi membantu meringankan beban nelayan yang terjejas termasuk di daerah Kinabatangan.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa menyokong langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan negara sentiasa terjamin. Dalam hal ini, Kementerian melalui jabatan dan agensi di bawahnya akan sentiasa berusaha untuk membantu golongan nelayan yang terlibat dengan pelaksanaan Perintah Larangan ke Laut bagi mengurangkan impak pelaksanaan langkah tersebut.